



Tip Keselamatan Kebakaran

B/HARIAN 07/4/2019

SENARAI semak ringkas panduan keselamatan kebakaran berikut dapat membantu anda mencegah kebakaran :

1 Disyorkan supaya memasang alat pengesan asap di setiap tingkat. Tempat yang sesuai ialah pada siling, di dalam kurungan tangga, bilik tidur dan ruang tamu.

2 Pastikan ada dua laluan kecemasan dari setiap bilik dan semua penghuni tahu serta telah berlatih menggunakannya.

3 Jangan sekali-kali merokok sambil berbaring di atas katil semasa berada dalam keadaan mengantuk, mabuk atau setelah mengambil ubat-ubatan yang boleh menyebabkan mengantuk.

4 Gunakan bekas habuk rokok yang besar dan berat. Pastikan puntung rokok dipadamkan sepenuhnya sebelum dibuang.

5 Elakkan membuat penyambungan atau membebankan litar elektrik.

6 Letakkan mancis dan pemetik api di tempat yang tinggi supaya tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

7 Bekas-bekas yang mengandungi cecair mudah bakar hendaklah disimpan di tempat yang jauh dan selamat dari punca api dan kanak-kanak.

8 Jangan biarkan lilin menyala tanpa diawasi walaupun sesaat dan jauhkannya dari kanak-kanak.

Anda disyor meletakkan satu unit Alat Pemadam Api jenis debu kering ataupun jenis gas di rumah.

Penggunaan Alat Pemadam Api

Secara umumnya, terdapat lima kelas api di rumah. Alat pemadam api dilabelkan berdasarkan "Simbol" atau "Penggunaan Huruf" yang piawai bagi setiap kelas api yang dapat dipadam.

Langkah Mudah Menggunakan Alat Pemadam Api (APA) :

- Cabutkan Pin
- Halakan nozel ke pangkal (base) api
- Tekan tuil (lever)
- Layangkan nozel ke kiri dan ke kanan

Sumber: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

